

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 | SELASA**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN  
[ KUALA KRAI ]**

**SOALAN :**

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah perbezaan jumlah simpanan pendeposit Tabung Haji sebelum dan selepas pengumuman bonus dan berapakah jumlah simpanan pendeposit yang dikeluarkan selepas pengumuman bonus.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, keyakinan pendeposit kepada Tabung Haji terus kekal dan utuh.

Selepas pengumuman Hibah 2018, keyakinan pendeposit digambarkan dengan pertambahan bilangan pendeposit baharu dan jumlah simpanan yang konsisten. Pendeposit baharu bagi tempoh Januari 2019 sehingga Mei 2019 (selepas Pemulihan dan Penstrukturan Semula **TH**) adalah sebanyak 133 ribu orang dengan jumlah deposit RM83 juta.

Bagi tempoh April sehingga Jun 2019 (selepas pengumuman hibah pada 5 April 2019) , **TH** mencatatkan pertambahan pendeposit baru yang melebihi 46,000 orang. Selain itu, tiada sebarang pengeluaran yang luar biasa sehingga Jun 2019. Ini menggambarkan keyakinan pendeposit terus konsisten terhadap **TH**.

Bagi urusan simpanan dan pengeluaran, trend yang sama dilihat bagi tahun-tahun sebelum ini iaitu pengeluaran lebih tinggi sebaik sahaja pengumuman hibah dibuat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah simpanan terkumpul pendeposit pada 4 April 2019, iaitu sebelum pengumuman Hibah 2018 adalah berjumlah RM74.1 bilion. Manakala simpanan terkumpul pendeposit pada 31 Mei 2019 adalah berjumlah RM71.1 bilion. Pengeluaran yang tinggi ini adalah menjadi kebiasaan seperti tahun-tahun sebelum ini selepas pengumuman hibah diisytiharkan.

Sekian. Terima kasih